

# Pengetua mesti kuasai aplikasi asas ICT: TPM

BH-17/4/2007

## Kecekapan pengurusan jimat kos operasi makmal komputer

Oleh Azman Zakaria dan Norliza Abdullah

**K**UALA LUMPUR: Pihak pentadbiran sekolah termasuk pengetua dan kerani mesti mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sekurang-kurangnya aplikasi paling asas, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ICT mesti digunakan untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos operasi serta meningkatkan sistem perhubungan dalaman dan dengan pihak luar.

"Sewajarnya semua kakitangan sekolah dan pentadbir diberi latihan dan pendedahan secukupnya, sekurang-kurangnya dapat menggunakan aplikasi asas, seperti e-mel, prosesor 'word' dan pelayar internet.

"Ini penting untuk membolehkan mereka menggunakan ICT ke peringkat maksimum," katanya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Sekolah Bestari di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis.

Najib berkata, elemen yang perlu dilihat dalam operasi sekolah, terutama sekolah bestari, adalah aspek pengurusannya yang mungkin memerlukan pengubahsuaian secara besar-besaran terhadap proses tradisional dan prosedur yang wujud dalam sistem persekolahan sejak berdekad lamanya.

Setakat ini, lebih 5,000 makmal komputer sekolah sudah dibina yang dilengkapi 133,000 komputer dan 4,700 server manakala 88 sekolah perintis di bawah projek sekolah bestari pula mempunyai 5,806 komputer dan 261 server.

Katanya, membina keupayaan un-



**GENERASI ICT:** Najib melihat pelajar Sekolah Sri Hartamas melekatkan bendera selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Sekolah Bestari di Kuala Lumpur, semalam sambil diperhati Hishammuddin (kiri) dan Jamaluddin.

tuk sekolah mesti dilakukan secara berterusan dengan meningkatkan keupayaan server dan aplikasi komputer kerana teknologi maklumat cepat berubah.

"Kita tidak boleh sewenang-wenangnya membeli peralatan ICT dan membina makmal komputer di sekolah, tetapi kemudian membiarkannya," katanya.

Beliau juga mahu kurikulum sekolah dikaji dan dinilai semula supaya memberi penekanan terhadap sistem pembelajaran yang membentuk keupayaan berfikir dan menggunakan minda untuk menyelesaikan masalah.

"Kita boleh lengkapkan sekolah dan melatih guru dalam bidang ICT,

**“Kurikulum kita mesti gambarkan kesungguhan lahirkan pemikir dan perlu memasukkan penggunaan ICT sebagai kaedah tingkatkan kekayaan daripada lebu ray maklumat”**

**Najib Razak**

tetapi jika kurikulum masih memusatkan kepada peperiksaan dengan kecenderungan untuk murid menghafal dan menulis semula angka dan fakta, matlamat kita tidak akan tercapai.

"Kurikulum kita mesti menggambarkan kesungguhan untuk melahirkan pemikir dan perlu memasukkan penggunaan ICT sebagai kaedah meningkatkan kekayaan maklumat daripada lebu ray maklumat," katanya.

Beliau berkata, guru, terutama di Sekolah Bestari, juga perlu sentiasa diberi latihan bukan saja berkaitan ICT, malah pedagogi analitikal supaya mempunyai kemahiran mengajar membentuk pemikiran kreatif.